

Terima kasih kerajaan negeri Selangor
MalaysiaKini.com
February 5, 2012
Pengundi DUN Kota Anggerik

Mengikut laporan akhbar mangsa-mangsa kezaliman peristiwa pengambilan Kampung Berembang telah diberikan rumah oleh kerajaan negeri Selangor pimpinan Pakatan Rakyat.

Saya sebagai warga Selangor mengucapkan seribu tahniah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor serta Tan Sri Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar Selangor.

Walaupun ada sesetengah pihak yang mengaku memperjuangkan hak dan kebajikan orang Melayu, namun hakikatnya kerajaan Pakatan Rakyat pimpinan Tan Sri Khalid tidak hanya bercakap tetapi membuktikannya.

Penduduk-penduduk Kampung Berembang yang majoritinya Melayu telah dihalau dan dihambat dari rumah tangga mereka secara zalim.

Yang menzalimi penduduk Kampung Berembang juga adalah mereka yang mengaku membela dan memperjuangkan bangsa Melayu.

Penduduk-penduduk Kampung Berembang akan mendapat rumah di perumahan yang diberi nama Flat Berembang Indah

Mengikut laporan akhbar, mereka sudah boleh berpindah ke rumah-rumah mereka pada 1 April tahun ini.

Sekalilagi, syabas saya ucapkan kepada Tan Sri Khalid Ibrahim serta kerajaan Pakatan Rakyat Selangor.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/188378>